



**APLIKASI ILMU FARAIID DAN MAQASID SYARIAH DALAM
PELAKSANAAN WASIAT WAJIBAH MERUJUK ENAKMEN
WASIAT ORANG ISLAM DI MALAYSIA**

***THE APPLICATION OF FARAIID KNOWLEDGE AND MAQASID AL-
SHARIAH IN THE IMPLEMENTATION OF WASIAT WĀJIBAH
WITH REFERENCE TO THE ISLAMIC WILLS ENACTMENT IN
MALAYSIA***

Nurul Syuhadah binti Azalan¹ Abdul Halim bin Abdul Karim²

¹Pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia

²Ketua Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia

Abstrak

Kajian ini membincangkan hubungan antara sistem faraid dan pelaksanaan wasiat wajibah menurut Enakmen Undang-undang Syariah negeri-negeri di Malaysia dengan menekankan penerapan prinsip Maqasid Syariah sebagai asas keadilan pewarisan Islam. Walau bagaimanapun, pengetahuan Masyarakat mengenai wasiat wajibah masih lagi berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, kajian ini bertujuan menjelaskan peruntukan undang-undang yang terdapat dalam enakmen negeri-negeri sedia ada yang mempunyai hubungkait dengan ilmu faraid. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis dokumen. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan ketara dalam penentuan penerima wasiat wajibah berpunca daripada variasi tafsiran fiqh dan pendekatan pentadbiran Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, semua peruntukan tersebut menunjukkan kesepakatan terhadap matlamat maslahah dan keadilan sosial, selaras dengan objektif utama Maqasid Syariah iaitu menjaga harta, menjaga keturunan dan menegakkan keadilan. Kajian ini menegaskan keperluan kepada penyelarasan nasional terhadap pelaksanaan wasiat wajibah bagi memastikan keseragaman undang-undang, kejelasan tafsiran dan keadilan terhadap semua waris yang terlibat dalam pewarisan Islam di Malaysia.

Kata kunci: Wasiat wajibah, faraid, Maqasid Syariah, pewarisan Islam, Enakmen Wasiat Orang Islam.

Abstract

This study discusses the relationship between the faraid system and the implementation of wasiat wajibah according to the Islamic Law Enactments of the states in Malaysia, emphasizing the application of Maqasid Shariah

Perkembangan Artikel

Diterima: 30 September 2025

Disemak: 19 Oktober 2025

Diterbit: 31 Oktober 2025

*Corresponding Author: Nurul Syuhadah binti Azalan, ¹Pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia

Email:
nurulsyuhadah@unipsas.edu.my

principles as the foundation of justice in Islamic inheritance. However, public knowledge regarding wasiat wajibah remains at a low level. Therefore, this study aims to clarify the legal provisions contained in the existing state enactments that are related to the knowledge of faraid. The study adopts a qualitative research design through document analysis. The findings reveal significant differences in determining wasiat wājibah beneficiaries, stemming from variations in fiqh interpretation and the administrative approaches of the Syariah Courts. Nevertheless, all provisions demonstrate consensus on the objectives of maslahah (public interest) and social justice, in line with the primary goals of Maqasid Shariah namely, the protection of wealth, the preservation of lineage and the upholding of justice. This study underscores the need for national harmonization in the implementation of wasiat wājibah to ensure uniformity of laws, clarity of interpretation, and fairness to all heirs involved in Islamic inheritance in Malaysia.

Keywords: Wasiat wajibah, faraid, Maqasid al-Shariah, Islamic inheritance, Islamic Will Enactment.

PENDAHULUAN

Pelaksanaan wasiat wajibah di Malaysia merupakan satu pendekatan penting dalam memastikan keadilan pewarisan Islam bagi waris yang tidak berhak menerima harta melalui sistem faraid seperti cucu daripada anak yang telah meninggal dunia. Namun begitu, pelaksanaan dan penggubalan undang-undang berkaitan wasiat wajibah berbeza antara negeri-negeri kerana bidang kuasa hal ehwal Islam terletak di bawah kuasa kerajaan negeri. Menurut Alma'amun et al. (2022), kajiannya dengan merujuk enam negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah dan Kelantan mempunyai peruntukan Enakmen Wasiat Orang Islam yang mengiktiraf konsep wasiat wajibah, terdapat perbezaan ketara dalam aspek penerima, kadar pemberian dan tatacara pelaksanaan antara negeri. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa perbezaan tafsiran antara pentadbir undang-undang boleh menyebabkan ketidakseragaman amalan pewarisan.

Selain itu, kajian oleh Asni dan Sulong (2016) mendapati bahawa perbezaan fatwa negeri mengenai wasiat wajibah turut memberi kesan terhadap pelaksanaannya di Mahkamah Syariah. Walaupun dasar penggubalan fatwa bertujuan menyatukan kefahaman, masih terdapat tafsiran berbeza terhadap hukum dan penerima wasiat wajibah, sekali gus menimbulkan ketidakpastian dalam pelaksanaan undang-undang pewarisan Islam di Malaysia.

Dalam konteks pelaksanaan, kajian oleh Habibur Rahman, Monawer dan Osmani (2020) pula menunjukkan bahawa masyarakat masih kurang memahami fungsi sebenar wasiat wajibah serta hubungannya dengan sistem faraid, menyebabkan berlaku kekeliruan dalam pentadbiran harta pusaka.

Walaupun pelbagai kajian terdahulu meneliti aspek perundangan dan sejarah pelaksanaan wasiat wajibah, masih tiada analisis komprehensif yang menilai keselarasan antara sistem faraid dan pelaksanaan wasiat wajibah dari perspektif Maqasid Syariah. Sedangkan prinsip Maqasid Syariah amat penting bagi memastikan pelaksanaan hukum pewarisan Islam menepati tujuan asal Syariah dalam menjaga harta (*hifz al-mal*), keadilan (*al-'adl*) dan kebajikan keluarga (*maslahah al-usrah*).

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai keselarasan antara pelaksanaan wasiat wajibah dan sistem faraid berdasarkan peruntukan Enakmen Undang-undang Syariah negeri-negeri di Malaysia melalui pendekatan Maqasid Syariah. Kajian ini penting bagi menutup jurang ilmu dalam bidang

perundangan pewarisan Islam serta menyediakan asas bagi pembentukan garis panduan nasional yang seragam dan menepati prinsip keadilan Syariah.

KAJIAN LITERATUR

Beberapa kajian terkini di Malaysia telah membincangkan pelaksanaan wasiat wajibah, sistem faraid dan peruntukan undang-undang negeri (Enakmen Wasiat Orang Islam) mentakrif dan melaksanakan wasiat wajibah. Berdasarkan kajian Suhaili Alma'amun et.al (2022) telah membandingkan enakmen-wasiat negeri-negeri di Malaysia dengan Kompilasi Hukum Islam di Indonesia. Kajian ini menunjukkan bahawa walaupun Malaysia dan Indonesia mengamalkan mazhab Syafie, pelaksanaan wasiyah wajibah mereka berbeza dari segi penerima manfaat, kaedah pengiraan dan sumber perundangan. Malaysia hanya menumpukan pada cucu terhalang, manakala Indonesia meluaskan skop wasiat wajibah kepada anak angkat, bukan Islam dan anak luar nikah bagi mencapai keadilan sosial.

Dalam kajian Mohd Faizal Abdul Khir et.al (2024) mendapati undang-undang negeri-negeri memperuntukkan hak kepada anak tidak sah taraf (anak luar nikah) untuk menerima wasiat, dan mendapati terdapat peruntukan untuknya dalam beberapa enakmen, tetapi tafsiran dan pelaksanaan belum konsisten antara negeri.

Asjad Mohamed et.al (2019) pula telah meninjau keseluruhan enakmen wasiat negeri bagi mengenalpasti bagaimana konsep wasiat wajibah disebut dan difahami dalam teks undang-undang negeri. Mereka mendapati bahawa istilah dan hak waris yang disebut dalam enakmen kadangkala tidak jelas dan masyarakat awam kurang menyedari hak mereka berkaitan wasiat wajibah.

Kajian Md. Habibur Rahman et.al (2020) telah membincangkan legitimasi wasiat wajibah, terutama bagi cucu yang terhalang daripada menerima faraid apabila bapa mereka telah meninggal semasa datuk masih hidup. Penemuan menunjukkan bahawa wasiat wajibah dianggap sah berdasarkan autoriti undang-undang negeri dan prinsip fiqh umum, namun terdapat kekeliruan umum dalam masyarakat serta kurang literatur praktikal yang mencerminkan bagaimana teks undang-undang diinterpretasi mahkamah.

Kesemua kajian lepas mengesahkan bahawa peruntukan untuk wasiat wajibah sudah wujud dalam beberapa enakmen negeri di Malaysia dan diiktiraf dalam perundangan, namun terdapat variasi signifikan dalam kandungan teks enakmen, penafsiran dan pelaksanaannya. Jurang terbesar adalah kurangnya analisis menyeluruh yang menggabungkan teks undang-undang, keputusan mahkamah dan Maqasid Syariah untuk menilai bukan sahaja 'apa yang digubal', tetapi 'bagaimana dan sejauh mana ia menghasilkan keadilan' dalam konteks pewarisan Islam di negeri-negeri Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif kajian iaitu:

1. Menenalpasti ilmu faraid dalam pelaksanaan wasiat wajibah.
2. Menganalisis pelaksanaan wasiat wajibah menepati Maqasid Syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Kaedah pengumpulan data pula adalah melalui analisis dokumen. Data utama diperoleh daripada teks rasmi enakmen negeri seperti

Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak, Kelantan dan Sabah, manakala data sokongan dikumpul daripada jurnal akademik, kitab fiqh dan alasan penghakiman kes wasiat wajibah di Mahkamah Syariah. Analisis dijalankan secara tematik dan induktif bagi menilai keselarasan aplikasi ilmu faraid dalam pelaksanaan wasiat wajibah dengan perkaitan Maqasid Syariah.

SEBAB-SEBAB PEWARISAN DALAM ISLAM

Sistem faraid merupakan mekanisme utama dalam pembahagian harta pusaka menurut Syariah yang berpaksikan prinsip keadilan dan kesejahteraan sosial. Istilah faraid berasal daripada perkataan Arab iaitu *farḍ* bermaksud ketetapan dan merujuk kepada bahagian tertentu yang telah ditetapkan oleh Allah SWT kepada setiap waris. Ayat 11 hingga 12 Surah al-Nisa' memperincikan pembahagian kepada waris seperti anak lelaki, anak perempuan, ibu bapa dan pasangan. Oleh itu, faraid bukan sekadar pembahagian matematik tetapi suatu perintah Ilahi yang menegakkan keadilan sosial dalam masyarakat Islam (Salleh, 2019).

Dalam hukum faraid, hak seseorang untuk mewarisi harta si mati tidak diberikan secara sewenang-wenangnya tetapi berdasarkan sebab-sebab tertentu yang diiktiraf oleh Syariah. Ulama telah menetapkan empat sebab utama yang melayakkan seseorang mewarisi iaitu keturunan (*nasab*), perkahwinan (nikah), *wala'* dan baitulmal. Setiap sebab ini mempunyai sandaran hukum dan hikmah tertentu dalam memastikan keadilan dan kesejahteraan sosial dalam masyarakat Islam (Al-Qaradawi, 2000; Al-Zuhayli, 2011). Keturunan merupakan sebab utama pewarisan yang berpaksikan hubungan darah antara si mati dan waris. Waris seperti anak, ibu bapa, datuk dan adik-beradik mempunyai hak faraid yang telah ditetapkan dalam al-Quran. Hubungan nasab menzahirkan tanggungjawab kasih sayang, nafkah dan perlindungan semasa hidup, maka setelah kematian, Islam mengekalkan kesinambungan hak tersebut melalui pewarisan harta (Al-Zuhayli, 2011). Apabila seseorang mewarisi harta pusaka dengan sebab keturunan tujuannya adalah untuk memastikan kestabilan ekonomi keluarga dan mengelak ketidakadilan antara ahli waris (Norliza dan Ramli, 2023).

Perkahwinan yang sah di sisi Syariah menjadi sebab pewarisan antara pasangan. Suami berhak mewarisi isterinya dan begitu juga sebaliknya. Hak ini terhasil selepas akad nikah yang sah, walaupun belum berlaku persetubuhan, selagi perkahwinan itu masih dalam ikatan ketika kematian salah satu pihak (Al-Zuhayli, 2011). Abdullah dan Ahmad (2020) menyatakan bahawa pewarisan antara pasangan bertujuan melindungi pasangan hidup daripada kesusahan selepas kematian, selaras dengan Maqasid Syariah dalam menjaga keluarga (*hifz al-usrah*).

Wala' ialah hubungan pewarisan antara bekas hamba dan orang yang membebaskannya. Dalam hukum Islam, seseorang yang memerdekakan hamba mempunyai hak untuk mewarisi harta bekas hambanya jika bekas hamba itu meninggal dunia tanpa waris. Menurut Kamali (2021), konsep *wala'* menunjukkan keadilan sosial Islam kerana ia menghargai jasa orang yang memerdekakan hamba dan mengekalkan hubungan kekeluargaan simbolik selepas pembebasan.

Sebab yang keempat adalah baitulmal. Apabila seseorang Muslim meninggal dunia tanpa meninggalkan waris, harta pusakanya akan diserahkan kepada Baitulmal. Baitulmal berperanan sebagai penjaga harta umat Islam dan menyalurkan harta tersebut untuk kemaslahatan awam seperti fakir miskin, pembangunan dan pendidikan (Al-Qaradawi, 2000). Habibur Rahman et al. (2020) menegaskan bahawa peranan Baitulmal dalam konteks moden perlu diperkukuh agar fungsi sosialnya dalam sistem pewarisan Islam dapat dilaksanakan secara berkesan.

KEDUDUKAN CUCU DALAM SISTEM PEWARISAN ISLAM

Cucu boleh mewarisi harta pusaka disebabkan mempunyai hubungan keturunan dengan si mati iaitu pemilik harta. Cucu perempuan daripada anak lelaki si mati merupakan waris *ashab al-furud* yang telah Allah jelaskan bahagiannya dalam al-Quran menerusi surah al-Nisa' ayat 11. Jika si mati mempunyai seorang sahaja cucu perempuan daripada anak lelaki maka cucu berkenaan akan mendapat $\frac{1}{2}$ bahagian daripada harta pusaka dan jika bilangannya lebih daripada dua orang, maka mereka akan berkongsi $\frac{2}{3}$ bahagian.

Manakala cucu lelaki daripada anak lelaki adalah waris *asabah* yang akan mendapat baki harta setelah harta diberikan kepada waris *ashab al-furud*. Oleh itu, jika si mati mempunyai cucu lelaki dari anak lelaki si mati dan cucu perempuan dari anak lelaki si mati maka mereka akan menjadi waris *asabah bi al-ghayr* dengan nisbah 2:1 (Sabiq, al-S., 2006).

Walau bagaimanapun, cucu lelaki dan cucu perempuan daripada anak lelaki si mati tidak akan mendapat harta pusaka jika anak lelaki si mati masih lagi hidup. Selain itu, cucu perempuan daripada anak lelaki si mati juga tidak mendapat harta pusaka jika si mati mempunyai dua orang ke atas anak perempuan. Di sini, penerapan konsep *al-Hajb* dalam sistem pewarisan Islam memainkan peranan apabila mengutamakan waris *furu'* yang lebih dekat dengan si mati iaitu anak berbanding dengan cucu bagi mewarisi harta pusaka (Sabiq, al-S., 2006).

Jika dilihat kedudukan cucu lelaki dan cucu perempuan daripada anak perempuan pula, mereka merupakan waris *zawil arham*. Berdasarkan perundangan di Malaysia, cucu perempuan dan cucu lelaki daripada anak perempuan si mati tidak mendapat harta pusaka mengikut pandangan mazhab Syafie. Dalam keadaan si mati hanya meninggalkan waris *zawil arham* dan ketiadaan waris *ashab al-furud* dan *asabah*, harta pusaka si mati akan diberikan kepada baitulmal.

PERHUBUNGAN LANGSUNG PEMBAHAGIAN MELALUI SISTEM FARAIID DENGAN WASIAT WAJIBAH

Kajian telah dibuat dengan menganalisis peruntukan yang berkaitan dengan penerima wasiat wajibah yang terdapat dalam Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri-negeri yang wujud di Malaysia.

Merujuk kepada Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor (Pindaan) (2016), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan (2004), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Melaka (2005), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Kelantan (2009), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Pahang (2017), Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sabah (2018) dan Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Perak (2023) terdapat perbezaan peruntukan mengenai penerima wasiat wajibah yang dijelaskan dalam jadual 1.

Jadual 1: peruntukan mengenai penerima wasiat wajibah dalam Enakmen Negeri-negeri

Enakmen Wasiat Orang Islam (Mengikut Negeri)	Peruntukan Undang-undang	Penerima Wasiat Wajibah
Selangor	27(1)	Cucu daripada anak lelaki atau anak perempuan.
Negeri Sembilan	27(1)	Cucu daripada anak lelaki.
Melaka	27(1)	Cucu daripada anak lelaki.

Kelantan	27(2)	Anak lelaki dan perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan (cucu) ke bawah.
Pahang	30(1)	Cucu berhak menerima wasiat <i>wajibah</i> iaitu dengan mengambil bahagian faraid ibu atau bapa.
Sabah	27(1)	Cucu Daripada anak lelaki.
Perak	31(1)	Cucu daripada anak lelaki atau anak perempuan.

Berdasarkan kepada jadual 1, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan berkait dengan penerima wasiat wajibah dalam enakmen negeri-negeri. Berdasarkan kepada Enakmen Wasiat Orang Islam negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Sabah menyatakan cucu daripada anak lelaki sahaja boleh menuntut wasiat wajibah manakala Enakmen Wasiat Orang Islam negeri Selangor, Pahang, Perak dan Kelantan menjelaskan cucu daripada anak lelaki dan anak perempuan layak menuntut wasiat wajibah. Namun persamaan enakmen negeri-negeri ini ialah cucu tersebut akan mendapat wasiat wajibah sekiranya tidak layak mewarisi harta pusaka datuk atau neneknya mengikut hukum faraid. Dengan erti kata lain, cucu-cucu berkenaan didinding atau dihalang mewarisi harta oleh anak lelaki si mati dan anak perempuan si mati.

Di sini kita boleh lihat bahawa, cucu lelaki dan cucu perempuan daripada anak perempuan si mati layak menuntut wasiat wajibah di negeri Selangor, Pahang, Kelantan dan Perak walaupun anak lelaki dan anak perempuan si mati masih hidup. Ini kerana, mereka merupakan waris *zawil arham* yang tidak layak mewarisi harta pusaka mengikut perundangan di Malaysia.

Namun begitu, perlu diingatkan syarat utama cucu berkenaan boleh menuntut wasiat wajibah apabila bapa dan ibu mereka meninggal terlebih dahulu atau meninggal serentak dengan datuk atau nenek.

Oleh itu, dalam keadaan ibu telah meninggal dunia, kemudian diikuti oleh datuk belah ibu, pemohon yang merupakan cucu lelaki atau cucu perempuan boleh menuntut wasiat wajibah daripada harta datuknya dalam keadaan anak-anak kepada datuk berkenaan juga telah tiada. Ini kerana, harta pusaka datuknya akan diwarisi oleh baitulmal dan tidak akan diwarisi oleh mereka kerana mereka adalah waris *zawil arham*. Oleh itu, mereka boleh menuntut harta datuk menerusi wasiat wajibah.

Selain itu, hubungan secara langsung sistem faraid dalam pelaksanaan wasiat wajibah dapat dilihat melalui andaian nilai harta yang sepatutnya diterima oleh bapa atau ibu mereka mengikut hukum faraid maka itulah kadar wasiat wajibah yang akan diterima oleh cucu berkenaan. Namun begitu, kadar tersebut hendaklah tidak melebihi satu pertiga daripada keseluruhan harta pusaka si mati. Jika terdapat lebihan, maka lebihan tersebut hendaklah dengan persetujuan waris-warisan yang lain seperti yang dinyatakan dalam seksyen 27A(1) Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor (Pindaan) (2016), seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sembilan (2004), seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Melaka (2005), seksyen 27(2)(f) Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Kelantan (2009), seksyen 30(2) Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Pahang (2017), seksyen 27(1) Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Sabah (2018) dan seksyen 32(1) Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Perak (2023). Dalam enakmen tersebut juga menjelaskan bahawa jika datuk membuat wasiat

kepada cucu dengan kadar yang kurang daripada satu pertiga, maka kadar berkenaan hendaklah dicukupkan sehingga satu pertiga mengikut kadar wasiat wajibah.

APLIKASI MAQASID SYARIAH DALAM PELAKSANAAN WASIAT WAJIBAH

Ibn Asyur (2014) mendefinisikan *maqasid al-syariah* merujuk kepada pengertian dan tujuan yang diambil kira atau dikehendaki oleh syarak pada keseluruhan atau sebahagian besar hukumnya. Menurut al-‘Allal al-Fasi (1993), *maqasid al-syariah* bermaksud tujuan-tujuan dan rahsia-rahsia yang ditetapkan oleh al-Syāri ‘(Allah SWT) pada setiap hukum daripada hukum-hukum-Nya. Menurut al-Raysuni (1995) pula, *maqasid al-syariah* ialah tujuan-tujuan yang ditetapkan oleh syariat bagi mencapai kemaslahatan untuk para hamba (manusia).

Berdasarkan ketiga-tiga takrif yang dikemukakan oleh Ibn ‘Ashur (2014), al-‘Allal al-Fasi (1993) dan al-Raysuni (1995), dapat dirumuskan bahawa *maqasid al-syariah* merujuk kepada tujuan-tujuan, hikmah dan rahsia yang dikehendaki oleh Allah SWT di sebalik pensyariatan hukum-hakam-Nya bagi merealisasikan kemaslahatan serta menolak kemudaratan terhadap manusia. Ia mencakupi matlamat umum dan khusus yang menjadi asas kepada seluruh hukum syarak, dengan menzahirkan keadilan, rahmat, hikmah dan kebaikan untuk kesejahteraan hidup individu serta masyarakat.

Maqasid Syariah merupakan asas penting dalam memahami objektif dan hikmah pelaksanaan hukum Islam merangkumi bidang ibadat dan muamalat termasuklah dalam konteks pewarisan harta. Ia bertujuan mencapai kemaslahatan dan menolak kemudaratan dengan menegakkan keadilan sosial, menjaga kesejahteraan keluarga serta memastikan pengagihan harta berlaku secara seimbang. Merujuk kepada pelaksanaan *wasiat wajibah*, pada asasnya wasiat wajibah tidak disebut secara lansung atau khusus di dalam al-Quran atau hadis, tetapi digubal berdasarkan prinsip *maslahah mursalah* dan *maqasid al-syariah* untuk menjaga kebajikan keluarga. Pandangan ini disokong oleh Al-Qaradawi (2000) yang menegaskan bahawa wasiat wajibah ialah bentuk pelaksanaan ihsan dalam pewarisan, di mana hak moral cucu terhalang daripada mewarisi harta pusaka dapat dikembalikan melalui tuntutan yang dibuat melalui wasiat wajibah.

Pelaksanaan konsep *wasiat wajibah* merupakan antara bentuk *ijtihad mu‘āṣir* (ijtihad kontemporari) yang menzahirkan keanjalan hukum Islam dalam menangani realiti sosial moden. Mesir boleh dianggap antara negara terawal yang melaksanakan konsep ini secara rasmi melalui penggubalan Undang-undang Wasiat No. 71 Tahun 1946, berasaskan prinsip *maqāṣid al-sharī‘ah* bagi menjamin keadilan sosial dan kebajikan keluarga (Dar al-Ifta’ Mesir, 2024).

Secara definisi, *wasiat wajibah* ialah sebahagian daripada harta pusaka yang diwajibkan untuk diberikan kepada keturunan si mati khususnya cucu yang kehilangan bapa atau ibu sebelum kematian datuk atau nenek mereka dengan syarat mereka bukan waris yang sah menurut faraid. Pelaksanaannya mesti dilakukan sebelum pembahagian pusaka sama ada dengan persetujuan atau tanpa persetujuan waris. Asas hukum ini berlandaskan firman Allah SWT:

﴿كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمْ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَلَدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ ١٨٠﴾

“Kamu diwajibkan, apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika ia meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik, sebagai kewajipan ke atas orang-orang yang bertakwa” (al-Baqarah, 2:180).

Ayat ini dianggap *muḥkamah* (tidak dimansuhkan) dan mengandungi unsur kewajipan melalui lafaz “kutiba” dan “haqqan ‘ala al-muttaqin”. Berdasarkan prinsip ini, Undang-undang Wasiat No. 71

Tahun 1946 Mesir menetapkan *wasiat wajibah* bagi kerabat bukan waris sebagai satu bentuk *ijtihad maqasidi*, bagi memastikan kebajikan dan keadilan sosial kekal terpelihara (Dar al-Ifta' Mesir, 2024).

Pandangan kewajipan wasiat kepada kerabat bukan waris turut disokong oleh beberapa sahabat dan ulama terkemuka, termasuk 'Abdullah ibn 'Umar, Talhah ibn 'Ubaydillah, al-Zubayr ibn al-'Awwam, al-Sya'bi, Mujahid, 'Aṭa', al-Zuhri serta imam mazhab seperti al-Syafi'e (qaul qadim), Ahmad ibn Hanbal dan Ibn Jarir al-Tabari. Pandangan ini turut dihuraikan dalam karya klasik utama seperti *Aḥkam al-Qur'an*, *Fath al-Bari* dan *al-Mughni* (Dar al-Ifta' Mesir, 2024).

Selain itu, *Dar al-Ifta' al-Misriyyah* turut menegaskan bahawa pelaksanaan *wasiat wajibah* mesti dilakukan sebelum pembahagian pusaka. Berdasarkan fatwa Syeikh Hasanin Muhammad Makhluf pada tahun 1952, ketetapan ini tidak mengubah hukum faraid yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Sebaliknya, ia hanya mewajibkan wasiat kepada keturunan yang tidak mewarisi. Wasiat dikeluarkan terlebih dahulu sebelum harta dibahagikan kepada waris yang berhak (Dar al-Ifta' Mesir, 2024).

Dari perspektif *maqasid al-shari'ah*, pelaksanaan *wasiat wajibah* menggambarkan keseimbangan antara tuntutan nas dan keperluan realiti semasa. Ia menegaskan prinsip '*adl* (keadilan) dan *rahmah* (kasih sayang), di samping memperkukuh matlamat pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*) dan harta (*hifz al-māl*). Justeru, konsep ini dapat dianggap sebagai model *ijtihad dinamik* yang menunjukkan kemam puan syariah untuk menyesuaikan hukum dengan perubahan zaman tanpa menjejaskan prinsip asasnya.

Menurut Karim (2023), pensyariatan *wasiat wajibah* timbul bagi menangani ketidakadilan terhadap cucu-cucu yang kehilangan bapa sebelum datuk mereka meninggal dunia dan seterusnya terhalang daripada menerima pusaka. Keadaan ini sering menimpa golongan yang miskin dan memerlukan, sedangkan harta diwarisi oleh bapa saudara serta sepupu mereka. Memandangkan hukum faraid bersifat tetap dan tidak boleh diubah melalui ijtihad, para ulama memperkenalkan konsep wasiat wajibah sebagai jalan penyelesaian. Hukum ini berperanan melengkapkan sistem faraid dengan memastikan keadilan serta menjaga kebajikan ahli keluarga yang terpinggir, sejajar dengan matlamat umum maqasid al-shari'ah yang bertujuan mewujudkan kebaikan dan menolak kemudaratan (Karim, 2023).

Dari sudut *maqasid al-syariah*, pelaksanaan *wasiat wajibah* memenuhi tiga objektif utama syariah, iaitu pemeliharaan harta (*hifz al-mal*), pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*), dan pemeliharaan keadilan (*hifz al-'adl*). Melalui pelaksanaan ini, hak cucu-cucu yang tidak menjadi waris secara langsung tetap terpelihara, sekali gus mengelakkan ketidakseimbangan ekonomi dan ketidakadilan antara generasi dalam keluarga. Wasiat wajibah juga menzahirkan rahmah dan kasih sayang dalam struktur kekeluargaan Islam, sejajar dengan tuntutan syarak untuk menegaskan keadilan dan kebajikan dalam pembahagian harta pusaka.

Oleh yang demikian, pelaksanaan *wasiat wajibah* merupakan satu bentuk ijtihad *maqasidi* yang signifikan dalam konteks fiqh kontemporari. Ia mencerminkan keanjalan hukum Islam dalam mengimbangi nas-nas syarak dengan keperluan semasa masyarakat, serta menjelmakan nilai-nilai '*adl*, *rahmah*, dan *maṣlahah* sebagai teras *maqasid al-syariah*. Melalui pendekatan ini, maqasid bukan sahaja menjadi asas teoritikal tetapi berfungsi sebagai panduan praktikal dalam menggubal undang-undang Islam moden suatu bukti bahawa syariat Islam sentiasa hidup, dinamik, dan relevan sepanjang zaman.

Melihat kepada satu kes wasiat wajibah di Malaysia iaitu kes Akmar binti Aminuddin lwn. Amanah Raya Berhad (10400-099-0350-2012), plaintif adalah cucu kepada Allahyarham Meor Ahmad

bin Meor Yusof, yang meninggal dunia pada 13 Disember 2009 lebih awal daripada bapa plaintif yang telah meninggal dunia lebih awal pada 2 Januari 1999. Oleh itu, plaintif dan tiga adik-beradiknya menuntut bahagian daripada harta pusaka datuk mereka melalui konsep wasiat wajibah, kerana bapa mereka (anak si mati) telah meninggal dunia terlebih dahulu. Plaintif dan tiga adik beradik tidak layak mewarisi harta pusaka datuknya disebabkan datuk si mati mempunyai seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Berdasarkan penghakiman Hakim Syarie dalam kes ini telah memutuskan permohonan plaintif ini ditolak. Jika dilihat fakta kes ini, mereka merupakan cucu daripada anak lelaki si mati dan cukup semua syarat yang melayakkan cucu tersebut mendapat wasiat wajibah. Namun, hakim syarie melihat keadaan cucu berkenaan adalah tidak selari dengan *illah* pelaksanaan wasiat wajibah (Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, 2017).

Berdasarkan kenyataan hakim bicara kes ini, justifikasi wasiat wajibah dilaksanakan adalah bertujuan menjaga kebajikan cucu-cucu yang yatim dan daripada keluarga yang miskin di samping tidak mendapat hak pewarisan datuknya. Oleh itu, wasiat wajibah berperanan sebagai instrumen untuk menjamin keadilan dan ihsan dalam sistem pewarisan Islam, di samping mencegah ketidakadilan ekonomi terhadap waris yang terhalang secara teknikal daripada menerima bahagian melalui hukum faraid.

Jika dilihat umur cucu dalam kes ini adalah tidak dikategorikan sebagai kanak-kanak. Justeru, mahkamah telah menegaskan bahawa faktor umur cucu sama ada masih kanak-kanak atau telah dewasa bukanlah penentu mutlak bagi kelayakan menerima wasiat wajibah. Cucu yang telah mencapai usia dewasa tidak semestinya hidup dalam keadaan senang dan bebas daripada keperluan harta, manakala cucu yang masih kecil juga tidak semestinya berada dalam keadaan miskin. Walau bagaimanapun, Mahkamah menjelaskan bahawa tujuan utama wasiat wajibah adalah untuk memastikan perlindungan terhadap cucu yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan dan tidak mampu berdikari, khususnya kanak-kanak atau individu yang cacat yang kehilangan tempat bergantung setelah kematian bapa mereka (Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, 2017).

Sehubungan itu, hanya cucu yang memenuhi '*illah* iaitu mempunyai keperluan dan ketidakmampuan diri yang nyata sahaja layak menerima bahagian melalui wasiat wajibah. Cucu yang sudah dewasa serta berupaya bekerja, meskipun hidup dalam kekurangan, tidak termasuk dalam kategori tersebut. Begitu juga kanak-kanak yang memiliki harta atau kekayaan sendiri tidak dianggap layak kerana tidak memenuhi objektif Syariah di sebalik pelaksanaan wasiat wajibah, iaitu menjaga kebajikan dan kemaslahatan cucu yang benar-benar berhajat (Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, 2017).

Dengan demikian, pelaksanaan wasiat wajibah bukanlah suatu ketetapan ibadah mutlak, tetapi suatu langkah perundangan Islam yang bersifat fleksibel dan berasaskan keadilan sosial. Ia diwujudkan bagi menampung kekosongan dalam sistem faraid apabila cucu terhalang daripada mewarisi disebabkan kematian ibu atau bapa mereka terlebih dahulu. Justeru, pelaksanaannya sejajar dengan Maqasid Syariah dalam memastikan keadilan, ihsan dan kebajikan golongan waris yang terpinggir (Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, 2017).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pelaksanaan wasiat wajibah di Malaysia berfungsi sebagai pelengkap kepada sistem faraid dalam memastikan keadilan sosial dan kebajikan waris yang terhalang, khususnya cucu

kepada si mati yang kehilangan hak pusaka kerana kematian ibu atau bapa mereka lebih awal. Kajian mendapati bahawa walaupun hanya tujuh negeri mempunyai peruntukan Enakmen Wasiat Orang Islam yang mengiktiraf konsep wasiat wajibah, masih wujud perbezaan signifikan dari segi tafsiran penerima, kadar pemberian dan pelaksanaannya. Perbezaan ini mencerminkan keperluan kepada satu garis panduan nasional yang lebih seragam bagi mengekalkan prinsip keadilan Syariah.

Dari sudut Maqasid Syariah, wasiat wajibah memenuhi objektif utama Syariah iaitu menjaga harta, menjaga keturunan dan menegakkan keadilan. Pelaksanaannya membuktikan keanjalan hukum Islam dalam menyesuaikan diri dengan realiti sosial tanpa mengabaikan prinsip asal pewarisan. Keputusan mahkamah dan peruntukan enakmen negeri menunjukkan bahawa wasiat wajibah dilihat sebagai mekanisme ihsan dan masalah yang mampu mengelak ketidakadilan ekonomi dalam keluarga Muslim.

Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa penerapan wasiat wajibah bukan sekadar isu teknikal perundangan, tetapi merupakan manifestasi Maqasid Syariah dalam mengimbangi antara hukum tetap faraid dan tuntutan keadilan sosial. Justeru, usaha penyelarasan dasar dan penambahbaikan pelaksanaan wasiat wajibah perlu digerakkan oleh pihak berautoriti seperti Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi memastikan pelaksanaannya benar-benar menepati matlamat Syariah dan keadilan pewarisan Islam di seluruh negeri.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Nurul Syuhadah binti Azalan (Metodologi; Pemilihan data; Analisis formal; Penulisan – draf asal.)
Abdul Halim bin Abdul Karim (Metodologi; Pemilihan data Maqasid Syariah).

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperoleh atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

Abdullah, M., & Ahmad, R. (2020). The role of faraid in maintaining economic justice in Muslim families. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 45–58.

- al-‘Allal al-Fasi (1993), *Maqasid al-Syariah al Islamiyyah Wa Makarimuha*: Dar al-Gharb al Islami, Beirut Lubnan.
- Alma’amun, S., Kamarudin, M. K., Wan Mohd Nasir, W. N., Nor Muhamad, N. H., & Ahmad, R. (2022). Legislative provisions for wasiyyah wajibah in Malaysia and Indonesia: To what extent do they differ in practice? *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 14(3), 357–374.
- al-Qaradawi, Y. (2000). *Fiqh al-Mawarith fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Raysuni, A. (1995). *Nazariyyat al-Maqasid ‘inda al-Imam al-Shaṭibi*. Taqdim oleh Tāhā Jābir al-‘Alwani : al-Ma‘had al-‘Alami li al-Fikr al-Islami, Virginia, Amerika Syarikat.
- al-Zuhayli, W. (2011). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Jil. 10. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Asni, F., & Sulong, J. (2016). Fatwa berhubung wasiat wajibah dan keseragaman peruntukannya dalam fatwa negeri-negeri di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 13, 1–22.
- Dar al-Ifta’ al-Misriyyah. (2024, April 7). *Ṭariqat Hall al-Waṣiyyah al-Wajibah* (Fatwa No. 8330) / oleh Prof. Dr. Shawqi Ibrahim ‘Allam. *Fatāwā al-Mīrāth*. <https://www.dar-alifta.org/ar/fatwa/details/20658/>
- Faizal Abdul Khir, M., Fairouz Abdul Khir, M., & Yamin, A. (2024). Wasiat kepada Anak Tidak Sah Taraf: Analisis Terhadap Enakmen Wasiat Orang Islam bagi Negeri-negeri di Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 14(2), 137-150. <https://doi.org/10.7187/GJAT122024-10>
- Ibnu ‘Asyur. (2014). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*: Dar al-Salam, Kaherah, Mesir.
- Kamali, M. H. (2021). *Maqasid al-Shariah and the Objectives of Islamic Law in Property Distribution. LAIS Malaysia Occasional Paper*.
- Karim, F. (2023). *Al-Waṣiyyah al-Wajibah Bayna al-Shari‘ah al-Islamiyyah wa Qanun wilayah Selangor: Dirasah tahliliyyah*. *Al-Hikmah International Journal for Islamic Studies & Human Sciences*, 6 (3), 105–106.
- Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. (2017). Laporan Kes: Akmar Binti Aminuddin lwn. Amanah Raya Berhad. *Journal of Shariah Law Research*, 2(1), 75-116.
- Mohamed, A., Taha, M., Jusoh, M. K. A., & Mohd Burhan, N. (2019). Wasiat wajibah: Satu sorotan terhadap Enakmen Wasiat Orang Islam di Malaysia. *Journal of Islamic Thought & Understanding*, 2(2), 124-140.
- Norliza, M. R., & Ramli, H. (2023). Contemporary challenges in applying Islamic inheritance law (faraid) in Malaysia. *Journal of Islamic Law Review*, 19(2), 115–130.
- Rahman, M. H., Monawer, A. T. M., & Osmani, N. M. (2020). Wasiyyah wajibah in Islamic estate planning: An analysis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 35–47. Rahman, M. H., Monawer, A. T. M., & Osmani, N. M. (2020). Wasiyyah wajibah in Islamic estate planning: An analysis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(2), 35–47.